

**'KURANG BERUSAHA DAN MENGHARAPKAN BANTUAN  
ORANG LAIN BERTENTANGAN DENGAN SEMANGAT HIJRAH'**

---

# Utamakan unsur ikhtiar — PM

UM 17 AUG 1987

---

LAGI  
LAPORAN  
DAN  
GAMBAR-  
GAMBAR  
DI MUKA 2  
DAN 4

---

**K**UALA LUMPUR 26 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak umat Islam melangkah masuk ke tahun baru Hijrah dengan tekad untuk mengutamakan unsur ikhtiar dalam hidup dan menjauhi sifat manja, kurang berusaha dan mengharap belas kasihan orang lain.

Perdana Menteri menegaskan Islam melarang umatnya menyerah segala-galanya kepada takdir Ilahi dan sifat

Oleh  
**Hassan Mohd. Noor**

manja, kurang berusaha dan mengharapkan bantuan orang lain itu adalah sifat - sifat hina yang tidak disukai oleh Islam serta bertentangan dengan semangat hijrah.

"Kita tidak harus menyalahkan takdir sekiranya gagal kerana jika kita berikhtiar dan mencapai kejayaan, itu juga takdir," katanya ketika berucap di perhimpunan sambutan Maal Hijrah di medan terbuka Pusat Islam di sini pagi ini.

Majlis yang dihadiri oleh lebih 3,000 orang dan disemarakkan lagi dengan bacaan Al-Quran, koir raksasa dan sebagainya merupakan kemuncak sambutan tahun baru Islam 1408.

Ini merupakan kali pertama satu perhimpunan secara besar-besaran diadakan di negara ini untuk menyambut Maal Hijrah yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara melalui TV Malaysia.

Perdana Menteri berkata, umat Islam hendaklah mengutamakan ikhtiar bagi menjayakan apa-apa juga projek atau aktiviti umpamanya mengatasi masalah pengangguran yang tinggi serta keluasan tanah terbiar yang meningkat di negara ini.

"Ikhtiar kita ialah mengambil langkah mengurangkan kedua-dua gejala pengangguran dan tanah-tanah terbiar ini," katanya.

Beliau menegaskan, selaras dengan semangat

#### **LIHAT MUKA 6**

## **Utamakan unsur ikhtiar — PM UM 27 AUG 1987**

hijrah ini, anak-anak muda yang menganggur haruslah bersedia mengerjakan tanah-tanah terbiar dengan aktiviti-aktiviti pertanian dan juga industri kecil.

Umat Islam juga hendaklah berikhtiar menggunakan ilmu pengetahuan untuk memperkenalkan apa-apa pembaharuan, walaupun secara kecil-kecilan bagi memudahkan aktiviti-aktiviti pertanian atau

industri kecil di luar bandar.

Beliau berkata, dalam zaman kemelesetan ini, umat Islam hendaklah mencari jalan untuk menguatkan diri sebelum menghadapi sesuatu cabaran sekiranya mereka merasa lemah.

"Berundur sementara waktu tidak bermakna kegagalan, ianya satu strategi sahaja. Kita tidak harus angkuh dengan taraf

kita sehingga tidak sanggup membuat sesuatu yang dianggap rendah atau menghinakan, walhal perbuatan itu boleh menolong kita apabila keadaan berubah," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi kerajaan sedang berusaha ke arah membetul dan memperkuat akidah, memperbaiki dan meningkatkan ekonomi,

memaju dan meningkatkan ilmu pengetahuan serta membentuk dan memelihara kerajaan Islam, selaras dengan perjuangan Rasulullah S.A.W.

"Jika kerajaan menyeru dan mengamalkan amalan berjimat-cermat, sebabnya ialah kerana kerajaan menerima hakikat kemelesetan dan perlunya mengubah strategi untuk kejayaan di masa depan." kata Perdana Menteri lagi.